

# Philea Resort Edar Bubur Lambuk Percuma, 8 Julai



Imbas Kembali...Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Othman Muhamad bersama Pengurus Besar Philea Resort & Spa, Ronald Choong dan Pengurus Besar BPP, Abd Kadir Md Idris semasa mengedarkan bubur lambuk berhampiran Plaza Tol Ayer Keroh, tahun lepas



Kakitangan Philea Resort & Spa sedang membungkus bubur lambuk

Oleh **MISROM MATLEHAM**


**AYER KEROH**, 5 Julai-Philea Resort & Spa akan mengedarkan kira-kira 7,000 bungkus bubur lambuk secara percuma kepada orang ramai di lokasi keluar masuk berhampiran Plaza Tol Ayer Keroh, mulai jam 3 petang pada 8 Julai (Isnin).

Pengarah Pemasaran dan Komunikasi Philea Resort & Spa, Connie Chin berkata, program pengagihan bubur lambuk itu merupakan sebahagian dari aktiviti tanggungjawab sosial korporat resort berkenaan kepada orang ramai, terutama umat Islam menjelang kedatangan Ramadan.

"Tradisi pemberian bubur lambuk percuma ini merupakan tahun keempat diadakan oleh pengurusan Philea Resort & Spa yang mendapat kerjasama penuh dari Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Jabatan Ketua Menteri, Tourism Malaysia Melaka serta beberapa agensi lain termasuk polis," ujarnya.

Selain mengedarkan

kepada orang ramai yang melalui jalan utama berhampiran Plaza Tol Ayer Keroh, kata Connie lagi, bubur lambuk berkenaan turut diagihkan ke beberapa rumah kebajikan serta anggota pasukan keselamatan.



Othman bersama Ronald Choong dan Abd Kadir turut mengacau bubur lambuk sebelum diedarkan